

Bukti kerajaan BN kota apa dijanjikan
Utusan Online
09 Mei, 2012

JERANTUT 8 Mei - Pengumuman durian runtuh kepada warga peneroka berikutan penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) membuktikan Barisan Nasional (BN) adalah sebuah kerajaan yang mengotakan janji.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, malah apa yang dilakukan menerusi penyenaian FGVH ini membolehkan kekayaan Felda itu dikongsikan dengan negara.

"Ini yang sebenarnya membuatkan pembangkang kini mati akal. Apa yang mereka dakwa itu tidak benar sama sekali. Apa yang mereka cuba halangkan itu adalah menafikan kemakmuran kepada peneroka dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Sejahtera Peneroka Bersama Perdana Menteri di Felda Jengka 8, dekat sini hari ini.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita, Najib berkata, pemberian durian runtuh ini tidak boleh disamakan dengan insentif yang diberikan pada tahun sebelum ini kerana pengumuman hari ini adalah pertama kali dibuat berikutan penyenaian FGVH.

"Tolong jangan keliru, ini berkaitan penyenaian. Bila kita senaraikan maka kita dapat dana tambahan untuk diagihkan," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0509&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm